

1. Apa itu penyakit mpox?

Mpox (yang dahulunya dikenali sebagai *monkeypox*) adalah penyakit yang disebabkan oleh virus *monkeypox* (MPXV) daripada famili *Poxviridae*. Mpox merupakan penyakit zoonotik yang merebak daripada haiwan kepada manusia. Walau bagaimanapun, pada masa ini lazimnya jangkitan berlaku daripada manusia kepada manusia melalui sentuhan rapat dengan individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan mpox.

Mpox adalah penyakit endemik di rantau Afrika Tengah dan Barat serta telah merebak ke 116 negara lain. Terdapat dua (2) jenis *clade* virus *monkeypox* (MPXV) yang diketahui boleh menyebabkan mpox iaitu *clade I* dan *clade II*.

Pada 14 Ogos 2024, WHO telah mengisyiharkan mpox sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (*Public Health Emergency of International Concern – PHEIC*) buat kali kedua berdasarkan nasihat Jawatankuasa Kecemasan IHR (*IHR Emergency Committee*) dengan menekankan penularan *strain* mpox baharu yang lebih pantas iaitu *clade Ib* di Republik Demokratik Congo (DRC) dan negara-negara jiran di rantau Afrika. Terdapat empat (4) negara di Afrika Timur yang melaporkan kes mpox buat pertama kali iaitu Burundi, Kenya, Rwanda, dan Uganda. Kes mpox *clade Ib* juga telah dilaporkan di luar Rantau Afrika iaitu di Sweden (1 kes) pada 16 Ogos 2024 dan Thailand (1 kes) pada 21 Ogos 2024.

Sebanyak sepuluh (10) kes mpox telah dilaporkan di Malaysia dari 26 July 2023 sehingga kini dan kesemuanya merupakan *clade II*. Sehingga kini, tiada kes mpox *clade I* dikesan di negara ini.

Bilangan kes mpox yang dilaporkan di setiap negara boleh disemak di laman sesawang <https://ourworldindata.org/mpox>.

2. Apakah gejala mpox?

Individu akan menunjukkan gejala mpox dalam tempoh 21 hari selepas terdedah kepada kes mpox.

Gejala mpox biasanya termasuk demam, sakit kepala, lemah tubuh badan, bengkak pada kelenjar limfa dan ruam/ lepuh yang boleh timbul pada mana-mana bahagian badan lazimnya pada muka, tapak tangan, tapak kaki, dan alat kelamin. Ruam/ lepuh yang timbul boleh mengandungi cecair dan kemudian menjadi keruping, kering, dan tertanggal. Ruam/ lepuh boleh berlarutan sehingga 2 - 4 minggu atau lebih bergantung kepada tahap imuniti seseorang.

3. Bagaimakah jangkitan mpox tersebar dalam kalangan manusia?

Mpox tidak mudah merebak melainkan terdapat kontak rapat dengan individu yang dijangkiti mpox.

Penularan daripada individu yang dijangkiti mpox ke individu lain boleh berlaku melalui sentuhan langsung dengan:

- a. Ruam atau lepuh pada kulit individu yang bergejala;
- b. Hubungan seksual;
- c. Permukaan objek yang dicemari oleh cecair badan pesakit mpox.

Penularan melalui titisan pernafasan juga boleh berlaku, namun ianya jarang terjadi, dan hanya kepada individu yang bersemuka secara rapat dalam tempoh berpanjangan.

4. Bagaimanakah mpox tersebar daripada haiwan ke manusia?

Pada masa ini tiada bukti menunjukkan haiwan memainkan peranan dalam penularan mpox di Malaysia. Walaubagaimanapun, penularan kepada manusia daripada haiwan terutamanya tikus liar telah dilaporkan di rantau Afrika Barat dan Afrika Tengah.

Aktiviti yang boleh menyebarkan virus daripada haiwan kepada manusia dalam situasi berikut:

- gigitan atau cakaran haiwan;
- mengendalikan haiwan atau bangkai haiwan; dan
- memasak atau memakan haiwan tersebut.

5. Bilakah individu yang telah mendapat jangkitan mpox boleh menjangkiti orang lain?

Virus *monkeypox* (MPXV) boleh disebarluaskan kepada individu lain dalam tempoh satu (1) hingga empat (4) hari sebelum munculnya gejala sehingga keruping (*scab*) tertanggal daripada kulit dan pesakit tidak lagi bergejala.

6. Siapakah yang berisiko untuk dijangkiti mpox?

Individu yang berisiko dijangkiti mpox adalah:

- a. Individu yang mengamalkan tingkah laku berisiko dan menjalankan aktiviti berisiko yang melibatkan sentuhan rapat;
- b. Pengembara yang pulang dari negara-negara di Afrika yang sedang mengalami wabak mpox;
- c. Kontak rapat dengan kes mpox; dan
- d. Petugas kesihatan yang menjaga pesakit mpox tetapi tidak mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi yang betul.

7. Adakah mpox boleh dirawat?

Kebanyakan jangkitan mpox boleh sembah dengan sendiri tanpa memerlukan rawatan.

Penjagaan ruam/ lepuh adalah penting dengan membiarkannya kering dan juga menutup lepuh yang terdedah supaya cecair lepuh tidak tersebar.

Rawatan antiviral akan diberikan mengikut tahap keterukan jangkitan dengan nasihat daripada Pakar Perubatan. Buat masa ini ubat antiviral hanya diberikan kepada individu yang berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi seperti individu yang mempunyai imuniti rendah dan mereka yang mempunyai gejala yang teruk.

8. Adakah terdapat vaksin untuk mpox?

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tidak menyarankan vaksinasi secara besar-besaran (*mass vaccination*) untuk penyakit mpox. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau keperluan penggunaan vaksin dari semasa ke semasa.

9. Apakah seseorang itu perlu menjalani ujian saringan mpox?

Sekiranya anda adalah golongan berisiko yang telah mengalami gejala, anda boleh ke fasiliti kesihatan berhampiran bagi menjalani pemeriksaan dan ujian pengesahan status kesihatan anda.

10. Sekiranya saya mengalami gejala jangkitan mpox, apakah yang perlu saya lakukan?

Segera ke fasiliti kesihatan terdekat untuk penilaian kesihatan.

Sebagai langkah berjaga-jaga, anda juga disarankan untuk:

- a. Elakkan sentuhan dengan orang lain;
- b. Menutup ruam/ lepuh anda dengan mengenakan pakaian berlengan panjang;
- c. Cuci tangan menggunakan air dan sabun atau *hand sanitizer* dengan kerap
- d. Amalkan etika batuk dan bersin yang betul, seperti memakai pelitup muka apabila berada di sekeliling orang lain.

Sekiranya anda disyaki mengalami jangkitan mpox, anda akan diarahkan menjalani pengasingan di rumah atau di hospital berdasarkan penilaian pengamal perubatan, sehingga keputusan ujian makmal diketahui.

11. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya disahkan mendapat jangkitan mpox?

Anda akan diarahkan untuk mengasingkan diri di rumah atau di hospital bergantung kepada tahap kesihatan sehingga pulih sepenuhnya.

Terus amalkan langkah-langkah kawalan dan pencegahan serta dapatkan rawatan segera sekiranya gejala bertambah teruk.

12. Adakah saya perlu menjalani pengasingan sekiranya saya disahkan mendapat jangkitan mpox?

Anda akan diarahkan untuk menjalani pengasingan di bawah Seksyen 14 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Lokasi pengasingan samada di rumah ataupun di hospital akan ditentukan berdasarkan penilaian status kesihatan yang akan dijalankan oleh Pengamal Perubatan, sehingga ke suatu tempoh individu tersebut didapati tidak lagi berisiko untuk menjangkiti individu lain.

13. Mengapakah penyakit mpox disebut sebagai *monkeypox* sebelum ini?

Penyakit mpox disebut sebagai *monkeypox* sebelum ini kerana ianya mula dikenalpasti dalam koloni monyet yang disimpan untuk penyelidikan pada tahun 1958. Ia hanya dikesan pada manusia pada tahun 1970.

Pada 28 November 2022, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menggantikan nama penyakit daripada *monkeypox* kepada mpox setelah beberapa siri perbincangan dan konsultasi bersama pakar seluruh dunia diadakan bagi mengurangkan stigma dan diskriminasi yang dikaitkan dengan nama asal penyakit ini.

14. Adakah terdapat risiko penularan mpox di Malaysia?

Terdapat risiko kes dengan jangkitan mpox *clade I* dikesan di Malaysia kerana terdapat kemasukan pengembara (warganegara dan bukan warganegara) dari negara endemik dan yang melaporkan kes mpox dalam kalangan manusia. Walau bagaimanapun risiko penularan mpox *clade I* di Malaysia adalah rendah. Setakat ini, tiada kes mpox *clade I* dilaporkan di Malaysia.

Malaysia telah melaporkan kes mpox iaitu sebanyak sepuluh (10) kes dengan kes pertama dilaporkan pada 26 Julai 2023 dan kes terakhir dilaporkan pada 16 September 2024 . Kesemua kes mempunyai sejarah menjalankan aktiviti berisiko. Kesemua kes juga merupakan jenis mpox *clade II* dan telah mendapatkan rawatan serta tiada kematian dilaporkan sehingga kini.

15. Apakah nasihat perjalanan untuk pengembara?

Pada masa ini WHO tidak menyarankan sekatan perjalanan dan perdagangan dari/ke negara yang melaporkan kes mpox.

Semua pengembara masih boleh meneruskan perjalanan yang dirancang sama ada ke dalam atau ke luar negara dan dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah pencegahan seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Setibanya di Malaysia, pengembara dinasihatkan untuk pantau kesihatan diri selama 21 hari dari tarikh ketibaan, serta segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran sekiranya bergejala.

16. Adakah pengembara dari negara-negara yang mengalami penularan jangkitan mpox perlu dikuarantin setelah tiba di Malaysia?

Semua pengembara yang tiba dari negara-negara yang melaporkan mpox perlu menjalani saringan di pintu masuk antarabangsa (PMA) samada melalui saringan suhu badan, rujukan kendiri atau dirujuk oleh pegawai imigresen. Jika pengembara didapati bergejala, penilaian kesihatan akan dilakukan dan jika perlu akan dirujuk ke fasiliti kesihatan berdekatan untuk pengurusan lanjut.

Pengembara yang tiada gejala, dinasihatkan untuk memantau kesihatan diri selama 21 hari daripada tarikh ketibaan ke Malaysia.

17. Adakah aktiviti berkumpulan orang ramai masih dibenarkan?

Aktiviti berkumpulan orang ramai seperti mesyuarat rasmi, acara sukan, perhimpunan sosial, dan sebagainya dibenarkan dengan langkah-langkah pencegahan.

- a) Delegasi luar negara yang melaporkan kes mpox akan melalui saringan di PMA.
- b) Individu yang di bawah arahan pengasingan tidak dibenarkan menyertai sebarang aktiviti berkumpulan
- c) Orang awam dinasihatkan sentiasa menjaga kebersihan diri dan cara hidup sihat.
- d) Pengajur memastikan peserta adalah sihat dan sentiasa bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran dalam kawalan penularan mpox di Malaysia.

18. Apakah tindakan pencegahan mpox oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?

Antara tindakan pencegahan mpox adalah seperti berikut:

- a. Meningkatkan pemantauan di semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) di mana semua pengembara yang tiba dari negara yang melaporkan mpox perlu memantau status kesihatan kendiri setiap hari bagi gejala jangkitan mpox untuk tempoh selama 21 hari dari tarikh ketibaan di Malaysia;
- b. Memastikan semua pengamal perubatan di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta untuk menotifikasi kes disyaki mpox dengan segera ke Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan bagi memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan. Bagi pengurusan kes mpox, pengamal perubatan boleh merujuk kepada garis panduan "*Guidelines on Mpoxy Management in Malaysia 2023*" di laman sesawang portal rasmi KKM (www.moh.gov.my);
- c. Memastikan makmal bagi pengujian dan diagnostik bersedia di mana buat masa ini terdapat 14 buah makmal yang menjalankan ujian PCR bagi tujuan pengesahan termasuk enam (6) makmal swasta;
- d. Memastikan premis-premis yang menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan seperti spa, urutan, dan lain-lain aktiviti berisiko untuk sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran di samping memastikan tiada pekerja atau pelanggan di premis berkaitan mengalami gejala atau menunjukkan tanda mpox seperti ruam atau lepuh pada kulit. Sekiranya terdapat pekerja atau pelanggan yang mempunyai gejala tersebut, mereka perlu segera mendapatkan pemeriksaan kesihatan;
- e. Mempertingkatkan aktiviti kesedaran mpox dan edaran bahan pendidikan kepada kumpulan berisiko dengan kerjasama badan bukan kerajaan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti seperti spa dan sauna; serta
- f. Menjalankan hebahan awam nasihat kesihatan berkaitan mpox di semua platform di media sosial dan media konvensional, serta aktiviti pemerikasaan komuniti di lapangan mengenai langkah-langkah pencegahan dan kawalan kesihatan kendiri.

19. Apakah nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada orang ramai untuk mengelakkan penularan mpox di Malaysia?

KKM menyeru individu yang mempunyai gejala mpox seperti ruam dan lepuh pada kulit untuk segera menjalani pemeriksaan di fasiliti kesihatan berhampiran. Manakala mereka yang berisiko tinggi dinasihatkan untuk mengelak daripada bersentuhan secara langsung dengan individu yang bergejala bagi mengurangkan penularan jangkitan mpox.

Individu yang mengunjungi negara berisiko atau individu yang terdedah dengan individu yang disyaki atau disahkan oleh mpox perlu memantau secara kendiri status kesihatan dalam tempoh 21 hari selepas pulang atau selepas terdedah.